

**Elemen kekerabatan dalam politik di Malaysia: Kajian kes pilihan raya umum
2008**

ABSTRAK

Kemunculan ideologi demokrasi yang mengutamakan hak dan kebebasan individu telah berjaya mempengaruhi sistem politik dunia dan meruntuhkan legasi sistem kekeluargaan iaitu sistem pemerintahan feudal yang berkuasa sejak zaman manusia mula hidup bertamadun. Asas perjuangan demokrasi yang berteraskan kebebasan dan hak sama rata dalam masyarakat telah membawa kemajuan yang pesat khususnya dari segi pemikiran dan hubungan yang lebih luas merentasi hubungan kekeluargaan dan sempordan negara bangsa. Pada hari ini, walaupun sistem politik feudal sudah lama dilupakan, tetapi legasi feudal mula muncul semilia dalam politik di Malaysia. Sistem politik feudal yang menonjolkan kepentingan hubungan kekerabatan telah lebih ketara pada pilihan raya umum Malaysia ke-12 tetapi dijelaskan dalam konteks yang berlainan.